

بولتين اينستيتوت كماهيران اسلام مليسيا سراوق
اقريل- جون ٢٠١٩، رجب - شوال ١٤٤٠ هجرة

Bil. 2/2019



Buletin

IKMAS JAKIM



JAWATANKUASA PENASIHAT AKADEMIK IKMAS
TONGGAK PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BERKUALITI



RAMAH TAMAH AIDILFITRI IKMAS
BERSAMA YDP MIS



DAURAH KITAB BERSAMA
SS MUFTI SARAWAK

Sidang Redaksi

PENASIHAT

Dr Muhammad Yamin bin Ismail

KETUA EDITOR

Karia bin Haji Rahmat

SIDANG EDITOR

Kartini binti Ahmad

Ainuddin bin Haji Dolhakim

Abang Zainal Abidin bin Abang Ariffin

Dr Roziah binti Haji Chek

Mohd Chathazman bin Abdullah

Muhamad Fadhli bin Ahmat

PENYELARAS

Shuhaib bin Supani

Nurul Sabariah binti Saini

Muhammad Faizul bin Kanaini

JURUFOTO

Bustamin bin Sharee

Irwandy bin Sarkawi

Syed Muhammad Syauqi Imani bin Wan Shaifuddin (MPP)

PENGHARGAAN ISTIMEWA

Pejabat Pengarah

Pejabat Pendaftar

Jabatan Akademik

Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni

Jabatan Jaminan Kualiti

Jabatan Kemahiran dan Latihan Daie

Jabatan Pembangunan Insan

SEBARANG KOMEN ATAU CADANGAN

PENAMBAHBAIKAN SILA HUBUNGI:

Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS)

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Peti Surat 2867, Jalan Matang, Telaga Air

93050 Kuching

SARAWAK

(u/p: Jabatan Penerbitan)

Tel: 082-843 477, 475

Faks: 082-843 440, 439

Email: penerbitanikmas@gmail.com

ISI KANDUNGAN

SIDANG REDAKSI	2
ISI KANDUNGAN	2
KALAM KETUA EDITOR	2
WAWANCARA BERSAMA PENGARAH	3
IKMAS INSPIRASIKU	5
JKPA IKMAS	6
KEMASUKAN PELAJAR BAHARU IKMAS	7
MINGGU ALUAN PELAJAR DAN KHIDMAT	8
MASYARAKAT	
DAURAH KITAB BERSAMA MUFTI	9
SARAWAK	
RAMAH TAMAH AIDILFITRI IKMAS	10
BERSAMA YDP MIS	
SIJIL TINGGI PROFESIONAL	10
IMAM	
SARAWAK	
ILMU MAKKI DAN MADANI	11
PERKATAAN ATAU PERKATAAN	12
YANG	
LEBIH BAIK	
LENSA IKMAS	13-14
SEKALUNG TAHNIAH	15
SALAM TAKZIAH	15
JOM MASUK IKMAS	16



KALAM KETUA EDITOR

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Illahi kerana dapat menerbitkan Buletin IKMAS Bil. 2 2019. Dalam kekangan waktu dan tuntutan yang pelbagai, Jabatan Penerbitan bersama Sidang Redaksi dapat menyediakan, menyusun serta menyiapkan kandungan Buletin IKMAS ini dengan beberapa topik diperkenalkan.

Penerbitan kali ini memfokuskan kepada tunjang utama yang sentiasa mengambil berat menasihati akan perkembangan akademik IKMAS sehingga ke hari ini. Sesungguhnya Jawatankuasa Penasihat Akademik (JKPA) merupakan pemangkin yang mencurahkan pengalaman serta idea demi kelestarian IKMAS.

IKMAS harus terus melangkah ke hadapan meredah globalisasi, menyusuri zaman dan menelusuri sosio-budaya masyarakat. Oleh itu, transformasi IKMAS harus diperkasakan selaras dengan objektif dan pelan halatuju strategiknya. Setiap warga IKMAS harus mendukung dan bersama-sama mengekalkan momentum kecemerlangan diri dan jabatan. Dengan semarak semangat kekitaan dan kentalnya kerja berpasukan, IKMAS akan terus melangkah maju memugar dunia ilmu dan menyebarkan risalah di bumi-Nya ini.

Jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi pandangan, idea, buah fikiran serta segala bantuan sehingga terhasilnya penerbitan ini. Sesungguhnya warna-warni kehidupan amat indah untuk dirakamkan. Mudah-mudahan ianya merupakan rakaman memori indah yang bermanfaat untuk tatapan buat semua.

Akhir kalam, selamat membaca dan salam melangkah maju.

Sekian, wassalam.



myikmas.islam.gov.my



ikmassarawak



penerbitanikmas@gmail.com



ikmasjakim



@IKMASJAKIM



WAWANCARA BERSAMA PENGARAH IKMAS DR. MUHAMMAD YAMIN BIN ISMAIL

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Pertamanya, kami wakil dari Jabatan Penerbitan IKMAS ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas kesudian Dr. untuk sesi wawancara ini.

Q: Sebagai permulaan, bolehkah Dr. menerangkan secara ringkas berkenaan latar belakang perkhidmatan Dr?

Terima kasih. Saya memulakan perkhidmatan sebagai Pegawai Hal Ehwal Islam pada tahun 1992 di Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (BAHEIS JPM). Pada tahun 1997, Bahagian ini dinaik taraf kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Sepanjang perkhidmatan, saya telah ditugaskan di Bahagian Penerbitan, Bahagian Penyelidikan, Darul Quran, Bahagian Pembangunan Insan, ILIM, Bahagian Dakwah, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan kini di IKMAS. Insya Allah dengan sedikit pengalaman di tempat-tempat berkenaan boleh membantu saya dalam melaksanakan tugas di IKMAS.

Q: Terima kasih atas penerangan Dr. Seterusnya, setelah Dr. mendapat makluman bahawa Dr akan ditawarkan untuk bertugas di IKMAS, apakah gambaran Dr. terhadap IKMAS?

IKMAS sangat unik berdasarkan sejarah penubuhan dan kewujudannya di bumi Sarawak. Kita tidaklah besar, tetapi infrastruktur kita cukup sebagai sebuah IPT. Kita menawarkan dua diploma dengan pengiktirafan MQA dan kita tertakluk kepada pengauditan MQA. Kita juga menawarkan kursus elektif yang memberikan kemahiran vokasional kepada pelajar, latihan amal dan latihan industri untuk membantu mereka menjadi matang dan dapat menyesuaikan diri dengan masyarakat.

Apabila pelajar tamat pengajian, pelajar sama ada menceburi bidang pekerjaan, menjadi usahawan atau menyambung pelajaran. Dari segi kebolehpasaran kerja, hampir semua graduan mendapat pekerjaan setelah mereka tamat.

IKMAS dengan usia sekarang sangat berperanan dan telah memberikan sumbangan yang besar. Kita boleh membantu dalam membentuk pemikiran Islam wasatiyyah dan rahmatan. Dan dalam masa yang sama kita juga membantu pihak berkuasa agama di sini. Sebab itu saya beritahu pelajar dan ibu bapa, anda buat keputusan yang betul bila masuk ke sini.

Q: Saya lanjutkan dengan soalan yang seterusnya. Pada pendapat Dr, apakah hala tuju strategik IKMAS bagi lima tahun yang akan datang?

Alhamdulillah kita telah menyiapkan draf pelan hala tuju strategik IKMAS untuk tempoh 5 tahun akan datang. Kita telah mendapatkan pandangan-pandangan daripada *stakeholder* dan mereka yang mempunyai kepakaran. Draf pelan ini kita sediakan dengan kerjasama ibu pejabat JAKIM. Kita akan berbincang lagi bagi memuktamadkan pelan ini sebelum dibentangkan kepada pengurusan tertinggi JAKIM dan lembaga IKMAS. Secara umumnya pelan ini menggariskan strategi untuk lebih melonjakkan lagi IKMAS sebagai satu-satunya institusi pengajian tinggi Islam di rantau sebelah sini.

Dalam pelan ini kita memfokuskan kepada idea yang lebih besar, yang lebih ke hadapan, *greater validity of existence*, untuk kekal relevan. Juga soal *sustainability* dengan kita merujuk kepada eko-sistem Sarawak dan Borneo.

Q: Apakah cabaran utama yang dihadapi oleh IKMAS sebagai sebuah pusat pengajian akademik dalam bidang pengajian Islam supaya setanding dengan pusat pengajian yang lain?

Dalam mendepani era globalisasi yang semakin mencabar dan kompleks, IKMAS menghadapi cabaran dalam meningkatkan komitmen dan kesungguhan dalam pendidikan Islam, memperkukuhkan keupayaan modal insan serta memperkukuh tadbir urus.

Di bawah slogan JAKIM "Melebar Risalah Menyantuni Ummah" dan Revolusi Industri 4.0 yang melanda di seluruh dunia, memerlukan kita bersiap sedia dan bertindak pantas. Bagi menghadapi cabaran ini, tugas kita mesti sentiasa berteraskan ajaran Islam dan meningkatkan usaha untuk membimbing manusia ke jalan

yang benar.

Q: Sebelum kita mengakhiri wawancara pada pagi ini, sudikah kiranya Dr. memberi sedikit mutiara kata dan kata-kata semangat buat bekalan warga kerja IKMAS dan para pelajar?

Kepada warga kerja IKMAS, saya mengucapkan berbilang terima kasih atas kerjasama yang diberikan. Dalam menjalankan tugas sebagai penjawat awam, integriti, amanah dan dedikasi dalam menjalankan tugas sangat penting, dengan mengeneppikan kepentingan peribadi. Saya yakin dan percaya, dengan integriti, komitmen dan dedikasi, kita akan dapat mencapai lebih banyak dalam memajukan organisasi dan mengukuhkan tadbir urus IKMAS.

Kepada para pelajar IKMAS, saya teruja melihat kesungguhan dan komitmen mereka untuk menjadi cemerlang. Teruskan usaha untuk memenuhi harapan ibu bapa dan masyarakat.

Di zaman ini para pelajar mesti ada keupayaan untuk *multi-tasking*. Orang yang hebat ialah yang boleh melakukan *multi-tasking*, boleh buat berbagai kerja. Pelajar - daripada susun program, boleh berinteraksi dengan pengurusan IKMAS, berperanan di masjid, di lapangan, menyuarakan keperluan pelajar dan lain-lain. Kebolehan ini adalah ilham dan anugerah dari Allah SWT.

Kedua, pelajar mesti menyerlah dari segi kecemerlangan akademik dan sahsiah. Untuk cemerlang kena rajin dan melakukan banyak kerja, dan tentunya menjadi lebih sibuk. Semakin sibuk *skill* kita akan menjadi lebih tajam.

Ketiga, dapat menghayati dan memahami eko-sistem. Eko-sistem adalah prasarana, suasana persekitaran dapat melihat permasalahan sekeliling dengan pandangan 360 degree. Bukan dengan hanya melihat satu aspek yang kecil dan tersudut dengan tidak melihat seluruh masalah. Pelajar dan warga kerja IKMAS ialah mereka yang dapat melihat *360 degree of any case and situation*, horizon dan vertical. *Built up your skill*, tajamkan kompas dan antenna untuk melihat apa saja isu dari 360 degree perspektif, supaya boleh menangani dan mengambil langkah dengan lebih objektif.

Saya sendiri kena ada sudut pandang ekosistem ini, sebab tu kadang-kadang lambat buat keputusan sebab nak tengok banyak sudut. Bagi pelajar pula jangan datang dengan membawa masalah semata-mata, datang dengan bawa solusi, bukan satu tapi dua tiga solusi.

Keempat, kena ada *skill* komunikasi. Berupaya menyelesaikan masalah dan mencapai matlamat dengan negosiasi, give and take. Kita tidak boleh ubah dunia dalam satu hari, *even one year, it required a lot of time and wisdom*. Nabi pun berjuang 23 tahun dengan segala bantuan. Semoga kita diberikan taufik dan kekuatan oleh Allah SWT dalam mencapai misi dan visi kita di IKMAS.

Wassalam.



IKMAS INSPIRASIKU



Lobi IKMAS

Makmal

Bilik Kuliah


Kewujudan Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak amatlah bersesuaian dengan saranan kerajaan Malaysia supaya perkembangan masyarakat Islam di Borneo terutamanya Sarawak dititikberatkan. Memiliki program Diploma Dakwah Islamiyyah dan Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat yang diiktiraf MQA, IKMAS akan sentiasa terus melahirkan modal insan agar dapat menyumbang khidmat dan bakti dalam pelbagai lapangan tugas dan pekerjaan. Melihat kepada prasarana yang dimiliki oleh IKMAS merelevankan sebagai sebuah institusi pengajian Islam yang unggul di bumi Kenyalang.



Bengkel Binaan Bangunan



Surau



Peta lokasi IKMAS



Sijil MQA



Perpustakaan



Bengkel Jahitan



Bengkel Pemprosesan Makanan



Auditorium



Dewan Makan

JKPA IKMAS



JAWATANKUASA PENASIHAT AKADEMIK IKMAS

Pengerusi:

YBhg. Dato' Haji Paimuzi bin Yahya
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Ahli:

YBhg. Dr. Mohammad Isa bin Mohamadin
Timbalan Rektor
Bahagian Hal Ehwal Pelajar
UiTM Cawangan Sarawak

YBhg. Dr. Haji Akhbar bin Ibrahim

YBhg. Prof. Dato' Dr. Zulkiple bin Abdul Ghani
Timbalan Naib Canselor
Akademik dan Antarabangsa
Universiti Sains Islam Malaysia

YBhg. Prof. Dr. Fariza binti Md Sham
Jabatan Dakwah dan Kepimpinan
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Yakub@Zulkifli
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya

YBhg. Dr. Nordin bin Haji Ahmad
Pengarah
Darul Quran

Encik Abdul Halem bin Serojai
Pengarah
GIATMARA Negeri Sarawak

Setiausaha:

YBhg. Dr. Muhammad Yamin bin Ismail
Pengarah
Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak

Peranan Jawatankuasa Penasihat Akademik Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) adalah:

1. Bertanggungjawab bagi membantu IKMAS mencadangkan perkara-perkara penting terutama mengenai akademik dan peperiksaan IKMAS;
2. Menyemak, menimbang dan meluluskan sistem pemarkahan bagi Program Diploma Dakwah Islamiyyah (DDI);
3. Menimbang dan meluluskan apa-apa perkara perakuan dan cadangan dari pengurusan IKMAS atau mana-mana pihak mengenai pelajaran dan pembelajaran, peraturan akademik dan peperiksaan;
4. Mencetuskan idea pembaharuan serta merancang perkembangan dan kemajuan Pengajian Islam/ Kemahiran supaya setaraf atau melebihi lain-lain institusi pengajian;
5. Mencadangkan apa-apa peraturan yang perlu dirujuk oleh pihak Pengurusan IKMAS;
6. Membantu Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mengenai langkah-langkah untuk memajukan Pengajian Islam dan Kemahiran IKMAS; dan
7. Menjalankan tugas lain yang diarah oleh Ketua Pengarah JAKIM dari semasa ke semasa.

KEMASUKAN PELAJAR BAHARU IKMAS SESI 2019/2022

Tahniah diucapkan kepada pelajar baharu Program Diploma Dakwah Islamiyyah dan Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat. Semoga kalian terus bersemangat menimba ilmu di IKMAS.



MINGGU ALUAN PELAJAR IKMAS (MALPI)

ia merupakan program wajib IKMAS yang dilaksanakan kepada pelajar baharu Diploma Dakwah Islamiyyah dan Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat. Program ini dilaksanakan pada 29 April 2019 hingga 4 Mei 2019 setelah sesi pendaftaran pelajar baharu.

MALPI diadakan bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada pelajar baharu tentang IKMAS dan persediaan menghadapi sesi pengkuliah selama 3 tahun.

Antara aktiviti yang telah dilaksanakan ialah sesi taklimat dari Tabung Baitulmal Sarawak, taklimat dari jabatan-jabatan IKMAS, perkongsian dari ALUMNI IKMAS, LDK, Malam Kesenian Islam, Refleksi serta Program Khidmat Masyarakat bersama komuniti setempat.

Program ini banyak memberikan impak dan kesan kepada pelajar baru bagi menempuh alam pembelajaran di IKMAS.



KHIDMAT MASYARAKAT BERSAMA PENDUDUK KAMPUNG TELAGA AIR

4 Mei 2019 - Program Khidmat Masyarakat yang diadakan di sekitar Kpg Telaga Air mendapat sambutan yang meriah dalam kalangan warga IKMAS dan masyarakat setempat. Program yang bermula seawal jam 8.30 pagi memfokuskan sekitar Masjid Telaga Air dan Esplanad Telaga Air.

Antara aktiviti yang telah dilaksanakan ialah membersihkan kawasan luar dan dalam masjid, mengecat ruangan parkir, penulisan khat dalam masjid dan lukisan luar masjid serta membersihkan kawasan sekitar Espalanad Telaga Air.

Program tersebut disertai oleh Ketua Masyarakat setempat iaitu Penghulu Haji Murshidi bin Johari, En Zaini, Ketua Kampung Telaga Air dan Encik Mohamad bin Arif, Pengerusi Masjid Darul Solihin, jemaah masjid dan penduduk kampung. Wakil IKMAS pula diketuai oleh Ustaz Muhamad Fadhli bin Ahmat, Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni IKMAS, pegawai-pegawai IKMAS, para pensyarah dan 60 orang pelajar-pelajar baharu IKMAS.

Antara objektif program ini ialah mengeratkan hubungan silaturahim antara warga IKMAS dan masyarakat Kpg Telaga Air. Selain itu juga ianya dapat memupuk semangat kerjasama, bantu-membantu dan tolong-menolong antara warga IKMAS dan masyarakat sekitar.




DAURAH KITAB 2/2019 BERSAMA MUFTI SARAWAK

10 April 2019 - IKMAS telah mengadakan program Daurah Kitab Siri 2/2019 bertempat di Dewan Suarah, Kota Samarahan. Jemputan peserta terdiri daripada para imam, guru Takmir, guru Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA), penjawat awam daripada pelbagai agensi persekutuan dan negeri di sekitar Samarahan.

Program dimulakan dengan perkongsian Kitab Kifayatul Akhyar Bab Solat oleh Sohibil Fadhilah Tuan Haji Mual bin Haji Suaud, Pengarah Jabatan Mufti Negeri Sarawak. Seterusnya sesi Munaqasyah oleh YBhg. Sahibus Samahah Datu Haji Kipli bin Haji Yassin, Mufti Negeri Sarawak. Majlis penangguhan diteruskan dengan ucapan aluan oleh YB. Dr. Muhammad Yamin bin Ismail, Pengarah IKMAS dan ucapan penangguhan oleh YBhg. Sahibus Samahah Datu Haji Kipli bin Haji Yassin, Mufti Negeri Sarawak.

Besar harapan Datu Mufti Negeri Sarawak agar program Daurah Kitab Kifayatul Akhyar anjuran IKMAS ini dapat diperluaskan kepada segenap lapisan masyarakat Islam Sarawak. Bagi beliau, ini adalah satu usaha IKMAS dalam mempromosikan ilmu pengetahuan dan meningkatkan syiar Islam. Kitab ini sesuai untuk rujukan masyarakat kerana mencakupi pelbagai tajuk ibadah secara ringkas dan padu. Ia adalah khazanah ilmu yang sangat bermanfaat dan perlu dirujuk.



RAMAH TAMAH AIDILFITRI IKMAS BERSAMA YDP MIS

28 Jun 2019 - Majlis ini dihadiri oleh tetamu istimewa, YBhg Datu Misnu Haji Taha, Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak.

Datu merupakan pendokong yang terlibat dari awal lagi penubuhan IKMAS. Beliau sentiasa memantau perkembangan IKMAS dan memberikan pandangan-pandangan agar gerak kerja di institusi ini terus dirancarkan.

Demikianlah, dalam hidup ini, setiap kita memerlukan kepada penyuntik semangat, the pusher. IKMAS berdiri tegak selama 20 tahun sebahagian besarnya adalah hasil dari peranan yang dimainkan oleh Datu Misnu.

Semoga Allah merahmati Datu, melanjutkan usia beliau dan mengekalkan kelebihan beliau.



SIJIL PROFESIONALISME IMAM (SPI) NEGERI SARAWAK SIRI 1/2019

24 Jun 2019 - IKMAS sekali lagi mengorak langkah ke hadapan apabila berjaya menganjurkan Sijil Profesionalisme Imam (SPI) Negeri Sarawak Tahap 1 anjuran bersama IKMAS dan Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS).

Program selama 3 hari 2 malam ini bermula pada 24 Jun 2019 sehingga 26 Jun 2019 bertempat di IKMAS 2. Program ini telah ditawarkan kepada imam-imam lantikan Majlis Islam Sarawak.

Program ini telah disertai seramai 23 orang imam seluruh Sarawak dan telah berjaya mengikut sepenuhnya aktiviti yang dijalankan sepanjang program berlangsung. Para imam ini akan meneruskan pengajian Sijil Profesionalisme Imam untuk 3 siri lagi yang diadakan setiap bulan sebelum dianugerahkan sijil.

IKMAS berharap para peserta dapat mengambil ilmu sebanyak mungkin dan diaplikasikan dalam pekerjaan sebagai imam. Pihak IKMAS turut merakamkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah menjayakan SPI untuk siri pertama ini serta para penceramah yang berdedikasi dalam memberikan ilmu kepada para imam.



ILMU MAKKI DAN MADANI DAN KAITANNYA DENGAN MEDAN DAKWAH

Oleh: Noor Hanisah binti Abdul Halim
(Pensyarah Al-Quran dan Al-Sunnah IKMAS)

Al-Quran adalah kitab terakhir yang diturunkan buat Rasul yang terakhir dan kepada umat yang terakhir. Maka beruntunglah kita menjadi umat Nabi Muhammad SAW yang diturunkan al-Quran sebagai panduan dan rujukan yang mana sesuai dan relevan setiap zaman. Malah menurut Fahd al-Rumiyy, fleksibiliti al-Quran menjadikannya sebagai rujukan sedunia yang mengandungi kebenaran yang kekal mampu menyelesaikan masalah manusia sejagat. Benarlah firman Allah SWT: "Al-Quran itu tidak lain hanya peringatan bagi seluruh penduduk alam" (Surah al-Takwir 81:27)

Dalam al-Quran terkandung pelbagai ilmu untuk memahaminya, salah satunya adalah mengenai ilmu Makki dan Madani. Suatu ilmu yang menerangkan tentang perihal gambaran surah-surah yang dinisbahkan atau disandarkan kepada negeri Mekah dan Madinah. Mempelajari ilmu ini memberi faedah yang besar kepada pendakwah khususnya dalam menyusun strategi penyampaian risalah kenabian dan ketuhanan kepada manusia. Ini mampu menjadikan mereka pendakwah yang mempunyai pemikiran Quranik yang mampu menjadi pembimbing dan penyuluh buat umat Islam.

Sebelum itu kita lihat dulu pada definisi ilmu Makki dan Madani secara lebih jelas. Ulama berselisih pendapat dalam memberikan definisi Makki dan Madani disebabkan pandangan berbeza yang melihat kepada beberapa aspek termasuk masa, tempat dan orang yang disasarkan (al-Mukhotib) ayat-ayat tersebut. Namun, pendapat yang paling rajih (tepat) adalah pada pendapat yang mendefinisikan dari segi masa diturunkan iaitu ayat-ayat Makkiah adalah ayat yang diturunkan sebelum hijrah, walaupun bukan diturunkan di Mekah. Manakala Madaniyyah pula bermaksud ayat yang diturunkan selepas hijrah sekalipun tidak diturunkan di Madinah (Manna' al-Qattan 2000).

Terdapat beberapa bentuk dan ciri yang dapat membantu kita mengenali bentuk ayat Makkiah dan Madaniyyah. Melihat kepada tempoh penurunan al-Quran yang mengambil masa lebih kurang 23 tahun, tempoh 13 tahun diambil ketika baginda berada di Mekah dan ayat-ayat al-Quran diturunkan lebih tertumpu kepada aspek akidah dan kisah-kisah umat terdahulu (al-Qassas). Pada peringkat ini, penuh dengan suasana ketakutan, kekejaman dan fitnah. Masyarakat Arab ketika itu dalam keadaan jahiliyyah, memburukkan lagi keadaan. Oleh itu, antara ciri yang difokuskan adalah pada uslub (gaya bahasa) ayat-ayat Makkiah yang diturunkan umumnya lebih tegas dan mengandungi ketauhidan. Gaya bahasa yang digunakan sangat relevan dengan keadaan masyarakat ketika itu yang cukup kuat menentang ajaran Rasulullah SAW. Ini adalah peringkat awal bagi menjinakkan hati mereka untuk mengenali Islam.

Manakala selepas hijrah ke Madinah dalam tempoh 10 tahun, baki ayat-ayat al-Quran yang telah diturunkan mempunyai uslub yang lebih lembut dan tenang serta sering menjanjikan orang Islam dengan kemenangan dan kejayaan. Ayat-ayat Madaniyyah lebih menurus kepada perkara muamalat, akhlak dan hukum-hukum syariat Islam (Manna' al-Qattan 2000). Ini kerana, Islam telah berkembang dengan meluasnya ke daerah-daerah sekitarnya. Mereka hidup dalam suasana aman dan tenteram melaksanakan ajaran Islam tanpa rasa takut, tidak seperti semasa berada di Mekah. Walaupun cabaran masih ada bila wujud kemunculan golongan munafiq dan sebagainya.

Apa yang kita boleh ambil daripada ibrah penurunan al-Quran adalah dari sudut uslub ayat yang digunakan. Malah Dr. Yusuf al-Qaradhawi mengungkapkan tentang al-Quran itu sebagai dustur (perlembagaan) kepada dakwah. Oleh itu, para pendakwah apabila berhadapan dengan golongan mad'u (orang yang diseru) perlu menggunakan uslub yang bersesuaian dengan 'uruf, keadaan dan cara pergaulan mereka. Ahmad Sohandji dalam kitab tafsirnya Abr al-Athir telah memberi panduan terhadap golongan pendakwah supaya dapat berdakwah secara berhikmah. Antaranya, perlu mengetahui kandungan al-Quran dan al-Sunnah perjalanan Nabi SAW serta sirah al-Khulafa' al-Rasyidin. Hendaklah

mengetahui keadaan orang yang diseru, persediaan, tabiatnya dan pekertinya, iaitu berkaitan dengan pergaulan hidup mereka. Selain itu, mengetahui bahasa-bahasa yang digunakan oleh golongan atau umat yang diserunya kerana Nabi SAW pernah menyuruh setengah sahabatnya mempelajari bahasa Ibari (Bahasa Yahudi) untuk bertutur kata dengan orang-orang Yahudi yang menjadi jiran mereka dan menyuruh mempelajari keadaan mereka. Akhir sekali, perlu mengetahui jenis-jenis agama dan mazhab sesuatu umat atau bangsa.

Dalam usaha mengembangkan dan memaknakan Islam di bumi Sarawak ini, Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) menjadi medan mempersiapkan bekalan bakal da'ie yang akan menyebarkan Islam di Sarawak khususnya. Sesuai dengan hasrat dan visi IKMAS untuk menyebarluas semua aspek ajaran Islam berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah. Oleh itu, bekalan yang paling penting bagi seorang pendakwah adalah ilmu dan kemahiran. Penting untuk pendakwah mengintegrasikan ilmu 'aqli dan naqli untuk menyesuaikan dengan peredaran zaman.

Misalnya, pendakwah bukan sahaja perlu menguasai ilmu agama, bahkan perlu menguasai ilmu duniawi seperti multimedia, teknologi maklumat dan sebagainya supaya tidak ketinggalan dalam memanfaatkan teknologi yang terdapat sekarang seperti menggunakan medium media sosial bagi memaksimumkan penyampaian dakwah dalam penulisan. Pendakwah-pendakwah boleh menjadikan Prof. Dr HAMKA (Haji Abdul Malik Karim Amrullah) ulama nusantara yang berasal dari Indonesia ini sebagai antara tokoh agamawan yang menjadikan penulisan sebagai saluran dakwah. Kehebatan dan sumbangan beliau diperakui dunia. Bacalah karya-karyanya, pasti banyak manfaat yang kita boleh perolehi.

Cabaran pasti ada di mana-mana medan sekalipun. Sebagai contoh di Sarawak, Islam adalah kelompok minoriti, bahkan kaya dengan diversiti kepelbagaian kaum, etnik, bangsa dan agama. Pastinya, para pendakwah perlu memastikan golongan sasaran dakwah itu sesuai dengan kaedah dakwah yang diaplikasikan. Namun, dengan strategi dan persiapan yang mantap akan menghasilkan natijah yang cemerlang.

Kesimpulannya, Ilmu Makki dan Madani ini adalah sangat penting difahami kerana ia menggambarkan manhaj dakwah yang Nabi SAW gunakan dalam berdakwah kepada golongan yang berbeza ketika itu. Peralihan dari zaman Jahiliyah hinggalah kepada kerancakan Islam yang bertebaran di seluruh dunia sehingga kini hasil daripada usaha dakwah baginda dan para sahabat RA. Ringkasnya, penurunan al-Quran seiring dengan perkembangan dakwah Islam. Semoga IKMAS menjadi landasan menghasilkan bakal-bakal pendakwah yang berkualiti dan progresif dalam memakmurkan dan menyebarkan Islam di bumi Sarawak khususnya.

Rujukan:

- Abdullah Basmeih. 2010. Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Ahmad Sohandji Mohamad. 1990. Tafsir al-Quran 'Abr al-Athir (Tafsir al-Quran di Radio). Kuala Lumpur: Pustaka al-Mizan, Cetakan Pertama.
- Fahd bin Abdurrahman bin Sulaiman al-Rumiyy. 1997. al-Ittijah al-Tafsir al-Ilmiyy fi al-Qarn al-Rabi' Asyara al-Hijriyy. Cet. 3. Muassasah al-Risalah.
- Manna' al-Qattan. 2000. Mabathith fi Ulum al-Quran. Riyadh: Dar al-Ma'arif.



فرکاتان اتاو فرچاکافن یغ لیبه باعیق

محمد رزمیل ریزال بن امین

سرجان مودا دعوه دان قغوروسن
اسلام

ادکه اد فرکاتان اتاو فرچاکافن یغ لیبه باعیق
دندیا سلااین درقد مپرو ماعنسی کفد اکام الله؟ جوافن
سوده تنتو تیاد فرچاکافن یغ لیبه باعیق دان لیبه
دسوکای الله سبحانه وتعالی درقد مپرو ماعنسی کفد
اکامن، سقرتیمان فرمان الله دالم سورة فصلت آیات: 33

وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِمَّنْ دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَالِحًا وَقَالَ
إِنِّي مِنَ الْمُسْلِمِينَ

مقصودن: دان تیدق اد یغ لیبه باعیق فرکاتانن درقد
اورغ یغ مپرو کفد (مغیساکن دان ممانوهی فرینته) الله،
سرتا ای سندیری مفرچکن عمل یغ صالح، سمبیل
برکات: "سسو غکو هن اکو اداله دری اورغ ۲
اسلام (یغ بر سره بولت ۲ کفد الله)"

آیات این منونجوقن بتاف قنتیغش اوسها دعوه
کفد اکام اسلام دان الله سبحانه وتعالی امت مپوکاییش.
فوجغک اسلام نوسنتارا یغ ترکنل، المرحوم همک
(Hamka مندیفیناسیکن بردعوه آیت اداله مغاجق.
بوکنش منغکیغ، منجریت-جریت، ممقرلی هیغک ترچابر
مرواه قندغر اتاو قنونتون. سمبیل مغاجق هاروس
دسرتای دغن مموجوق. فرلو دسرتای اخلاق دان
"سنی"، اینیله یغ دتکسکن دالم فرمان الله سبحانه وتعالی
دالم سورة النحل آیات 125:

ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ
وَجَادِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ ۚ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ
بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ ۚ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ
(125)

مقصودن: "سروله کجالن توهنمو (واهای محمد) دغن
حکمه کبیجقسنان دان نصیحت قغاجرن یغ باعیق، دان
بربحتله دغن مریک (یغ اغکاو سروکن آیت) دغن چارا
یغ لیبه باعیق؛ سسو غکو هن توهنمو دی له جوا یغ لیبه
مغتاوهوی اکن اورغ یغ سست دری جالنش، دان دیله
جوا یغ لیبه مغتاوهوی اکن اورغ-اورغ یغ منداقت هدایه
قنونجوق".

تیاد چونتوه تراکوغ یغ دافت دجادیکن ایکوتن ملائینکن
کفریبادین رسول الله صلی الله علیه وسلم. بکیندا ساغت
ممولیاکن سما کولوغن ماعنسی ترماسوق یغ بوکن
اسلام. قیصه نبی یغ فرنه مپواف بوبور کفد سا ورغ
یهودی بوتا مسکیفون یهودی ترسبوت ساغت
ممسوهی بکیندا. اخیرن، بلیاو مملوق اسلام ستله
ترتاریق دغن اخلاق بکیندا.

سسو غکو هن توکس دعوه اداله لکاسی واریشن نبوة یغ
داتغ برسام صفة امانه دان فطانه. جوسترو، بیجقسانله
دالم مپمفایکن میسیج اسلام. تیغکتکن علمو، لونفکن
لیده، سوچیکنله کلام سسوچی رساله اکام الله سبحانه
وتعالی یغ دباوا. تیاد ایمان تنقا اخلاق دان تیاد نیلای
علمو تنقا سنتون بودی. لمه-لمبوت دالم بردعوه بوکن
برارتی لمه، سبالیقن ایتله رهسیا کجایان دعوه رسول
الله صلی الله علیه وسلم.

LENSA IKMAS



5 April 2019 - Ceramah Motivasi di SMK St. Joseph Ustaz Karia bin Haji Rahmat.



5 April 2019 - Lawatan YBhg. Pengarah IKMAS ke Universiti Darussalam, Gontor, Kabupaten Ponorogo, Jawa Tengah.



9 April 2019 - Ceramah yang disampaikan oleh Ustaz Abdul Rahim bin Othman di Program EduVariom.



8-14 April 2019 - Sesi temuduga kemasukan pelajar baharu bagi tahun 2019/2022 IKMAS



9 - 11 April 2019 - Bengkel Semakan Kurikulum Diploma Dakwah Islamiyyah Ikmas dan IPDAS bagi MQA O2.



16 April 2019 - Sesi senaman ringan "JOM FIT" warga IKMAS .



29 April - 3 Mei 2019 - Minggu Taaruf Pelajar IKMAS (MALPI)

LENSA IKMAS



17 April 2019 - Bengkel Pembelajaran dan Pengajaran kepada para pensyarah demi meningkatkan mutu akademik IKMAS.



10 Mei 2019 - Bicara Fiqh Wanita bersama Ustazah Armi binti Halit dari Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, IKMAS bertajuk 'Wanita Solehah'.



10 Mei 2019 - Kalam Ramadhan bersama Al-Fadhil Ustaz Ahmad Firdaus dari Jabatan Agama Islam Sarawak bertajuk 'Andai Ini Ramadhan Terakhir Buatku'.



Mei 2019 - Kuliah Tujuh Minit (KULTUM) selepas solat Zohor sepanjang Ramadhan disampaikan oleh kakitangan IKMAS.

Peperiksaan MUET di Dewan Serbaguna, IKMAS 2.

Bacaan Yaasin setiap pagi Jumaat.



17 Mei 2019 - Kalam Ramadhan bersama Al-Fadhil Ustaz Sulaiman bin Hashim dari Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak bertajuk 'Menyingkap Tabir Ramadhan'.

SEKALUNG TAHNIAH



Sekalung tahniah kepada Ustazah Kartini binti Ahmad di atas kenaikan pangkat dan dilantik sebagai Timbalan Pengarah IKMAS JAKIM yang baru.



Sekalung tahniah kepada Ustaz Abdul Rahim bin Othman di atas penganugerahan Anugerah Pekerja Cemerlang (APC), Jabatan Perkhidmatan Awam. Semoga menjadi inspirasi buat semua pekerja lain.



Sekalung tahniah kepada Ustaz Mohd Aizuddin Anas bin Aziz di atas penganugerahan Anugerah Pekerja Cemerlang (APC), Jabatan Perkhidmatan Awam. Semoga menjadi inspirasi buat semua pekerja lain.

SALAM TAKZIAH



Ustaz Shahibol bin Sharee dilahirkan di Kampung Trombol Kuching pada tarikh 19 Januari 1984 dan dibesarkan di Kampung Telaga Air, Kuching Sarawak. Beliau telah mendapat pendidikan rendah di SK Telaga Air. Di peringkat menengah pula, beliau telah menyambung pelajarannya di Madrasah Islamiah, Kuching Sarawak. Seterusnya beliau telah ditawarkan untuk menyambung pelajarannya di SMU (A) Tarbiah Mardhiah Panchor Kemumin Kota Bharu, Kelantan. Selesai menamatkan pelajarannya di peringkat menengah, beliau telah melanjutkan pelajarannya di peringkat diploma di Institut Kemahiran Islam Sarawak (IKMAS) dalam bidang Diploma Pengajian Islam dan Dakwah pada tahun 2006 dan seterusnya di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam bidang Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Pengajian Dakwah dan Kepimpinan) pada tahun 2014. Sewaktu belajar, beliau telah dianugerahkan sebagai pelajar cemerlang dimana beliau pernah mendapat Anugerah Dekan semasa belajar di IKMAS dan mendapat Anugerah Dekan Fakulti Pengajian Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Ustaz Shahibol bin Sharee telah memulakan kerjaya di sektor kerajaan sebagai:

- 1) Penolong Penyelia Asrama di SK Telaga Air
- 2) Penyelaras Pentadbiran Masjid Daerah (PPMD) di Jabatan Agama Islam (JAIS) Betong Sarawak
- 3) Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam (KADER) di Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Kota Kinabalu Sabah
- 4) Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, IKMAS
- 5) Warden IKMAS
- 6) Ketua Unit JAKIM, Unit Miri

Semasa menjawat jawatan sebagai Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam di IKMAS JAKIM, beliau telah mendapat anugerah pekerja cemerlang pada Februari 2009 sehingga Mac 2016.

Semasa menjawat jawatan sebagai Ketua Unit JAKIM, Unit Miri, beliau telah bertemu dengan pasangan hidupnya yakni isterinya yang bernama Dyg. Nur Amalina binti Awg. Sawal. Kebetulan pada waktu itu beliau telah menyewa sebuah rumah di Kampung Pulau Melayu Miri, yakni kampung isterinya. Beliau telah mendirikan rumahtangga bersama pasangannya pada tarikh 1 September 2018 (Sabtu). Kemudian beliau telah berpindah semula ke Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) dan meneruskan kehidupan bersama isteri beliau di Kuching Sarawak. Sepanjang perkahwinan bersama isterinya, beliau belum dikurniakan zuriat. Kisah kehidupan beliau bermula pada April 2019, di mana beliau telah disahkan menghidapi penyakit lemah jantung. Namun begitu, beliau tidak pernah berputus asa untuk mendapatkan rawatan baik dari segi rawatan moden atau rawatan Islam (Ruqyah). Namun, Allah lebih menyayangi beliau. Pada bulan Mei 2019, bersamaan bulan Ramadhan, beliau telah bertarung dengan penyakitnya. Sehingga beliau menghembuskan nafasnya yang terakhir pada pagi Sabtu 18 Mei 2019 pada jam 10:48 minit pagi bersamaan 13 Ramadhan 1440H di Pusat Jantung Kota Samarahan Sarawak.

Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak mengucapkan sekalung takziah kepada keluarga beliau atas kembali ke rahmatullah dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas sumbangan beliau sepanjang berkhidmat di IKMAS. Marilah kita bersama-sama sedekahkan Al-Fatihah kepada roh beliau. Semoga beliau ditempatkan dalam kalangan hamba yang beriman dan beramal soleh.

Sumbangan : Dyg. Nur Amalina binti Awg. Sawal
(Isteri Allahyarham Ustaz Shahibol bin Sharee)

Jom Masuk Ikmas Jakim

SYARAT KELAYAKAN MASUK DIPLOMA DAKWAH ISLAMIYYAH

1. Warganegara Malaysia berumur 17 tahun ke atas dan sihat mental dan fizikal.
2. Bukan Warganegara (Antarabangsa) yang mempunyai kelayakan yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.
3. LULUS Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan LIMA (5) kepujian termasuk Bahasa Melayu dan mana-mana satu mata pelajaran Pengajian Islam seperti Pendidikan Islam/ Tasawwur Islam/ Pengajian Al-Quran dan As-Sunnah/ Pengajian Syariah Islamiyyah atau Bahasa Arab.
4. LULUS Bahasa Inggeris dan Matematik.
5. Mempunyai minat belajar sedia dibimbing mematuhi peraturan dan arahan.
6. LULUS ujian temuduga.

SYARAT KELAYAKAN MASUK DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN DAN AL-QIRAAT

1. Berumur tidak melebihi 21 tahun dan belum berkahwin
 2. Lulus SPM dengan syarat minimum Gred 'C' dalam mata pelajaran berikut :
 - i. Bahasa Melayu
 - ii. Bahasa Arab
 - iii. Pendidikan Al-Quran dan As-Sunnah / Pendidikan Syariah Islamiah
 - iv. LULUS Bahasa Inggeris, dan
 - v. LULUS Temuduga
- Atau
- vi. Kelulusan yang diiktiraf dan setaraf dengan SPM (Calon Luar Negara)

اينستيتيوت كمالهيران اسلام مليسيا سراوق

Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS)
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
Peti Surat 2867, Jalan Matang
93050 Kuching, Sarawak
Tel : 082-843 477, 475
Faks : 082-847 440, 439
Email: ikmas@islam.gov.my